**PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN**
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2019**
**ANJURAN BERSAMA**
**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA**
**NEGERI PERLIS**
**DAN**
**MAJLIS GURU CEMERLANG NEGERI PERLIS**

# SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2019
# 5228/2
## PENDIDIKAN SYARI'AH ISLAMIAH

**Kertas 2**
**Ogos**
**2 ½ jam** **Dua jam tiga puluh minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi* **enam** *soalan.*
2. *Jawab* **lima** *soalan sahaja.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dengan menggunakan tulisan jawi dalam kertas jawapan yang disediakan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi **11** halaman bercetak.

*جواب **ليم** سوءالن سهاج*

**1** (*a*) (i) ڤاتاكن **دوا** ڤرانن ايمان. [2 مركه]

(ii) ترڠكن **دوا** عملن يڠ ممباوا كڤد كمانيسن ايمان (حلاوة الايمان). [4 مركه]

(*b*) فرمان الله سبحانه وتعالى:

| |
|---|
| لَّقَدۡ كَانَ لَكُمۡ فِي رَسُولِ ٱللَّهِ أُسۡوَةٌ حَسَنَةٌ |
| (سورة الأحزاب: 21) |

ترڠكن **دوا** كسن رحمة اخلاق يڠ دباوا اوليه رسول الله ﷺ دالم كهيدوڤن مشاركت. [4 مركه]

| |
|---|
| برايمان كڤد توحيد الأسماء والصفات مروڤاكن ساله ساتو اساس ڤنتيڠ دالم معرفة الله. |

(*c*) جلسكن **دوا** حجة اندا اونتوق مڽوكوڠ ڤرياتائن دأتس. [4 مركه]

**ULAMAK: KEDUDUKAN DAN PERANAN**

Dalam konteks masyarakat Islam masa kini, tugas dan tanggungjawab ulamak adalah sangat besar kerana jika diabaikan, umat Islam akan berdepan dengan wabak kejahilan dan kesesatan. Justeru, para ulama hendaklah berani dan tegas memainkan peranan mereka dan berada di barisan hadapan memimpin ummah melaksanakan amanah amar makruf nahi mungkar

معلومت 1

قال رسول الله ﷺ : العُلَمَاءُ وَرَثَةُ الأَنْبِيَاءِ

مقصودڽ: سبدا رسول الله ﷺ : ڤارا علماء ايت اداله ڤواريث نبي.

معلومت 2

(*d*) برداسركن معلومت 1 دان 2، بوات ساتو روموسن يڠ بركائيتن دڠن ڤرانن علماء دالم ممڤرتاهنكن عقيده اومت إسلام. [6 مركه]

**2** (a) (i) اڤاكه مقصود علمو أصول الفقه؟ [2 مركه]

(ii) ترڠکن **دوا** فکتور يڠ مندوروڠ علماء مڽوسون علمو أصول الفقه. [4 مركه]

فرمان الله سبحانه وتعالى:

> وَٱلسَّارِقُ وَٱلسَّارِقَةُ فَٱقۡطَعُوٓاْ أَيۡدِيَهُمَا
>
> (سورة المائدة:35)

(b) ترڠکن حکوم وضعي يڠ ترداڤت دالم ايات دأتس. [4 مركه]

سومبر 1

> Diriwayatkan dari Ibnu Umar RA,
>
> "Telah dihalalkan bagi kami dua jenis bangkai dan dua jenis darah. Adapun dua jenis bangkai adalah ikan dan belalang dan dua jenis darah adalah hati dan limpa."



سومبر 2

> قُل لَّآ أَجِدُ فِي مَا أُوۡحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَىٰ طَاعِمٍ يَطۡعَمُهُۥٓ إِلَّآ أَن
>
> يَكُونَ مَيۡتَةً أَوۡ دَمًا مَّسۡفُوحًا أَوۡ لَحۡمَ خِنۡزِيرٍ (الأنعام: 145)
>
> Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad): aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepada sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya melainkan kalau benda itu bangkai, atau darah yang mengalir, atau daging babi, kerana sesungguhnya ia adalah kotor, atau sesuatu yang (dilakukan secara) fasik, iaitu binatang yang disembelih atas nama yang lain daripada Allah.

(c) معلومت 1 دان معلومت 2 اداله سلاري دڠن ساتو قاعدة اصول الفقه، هورايکن. [4 مركه]

(d) (i) سنارايكن **دوا** ڤركارا يڠ تيدق بوليه دنسخكن. [2 مركه]

(ii) " دأنتارا حكمة دشريعتكن نسخ اياله اونتوق منجاك كمصلحتن مائنسي "

هورايكن دوا حجة اندا اونتوق مڽوکوڠ ڤنداڤت اين. [4 مركه]

**3** فرمان الله :

وَلَا تُؤۡتُواْ ٱلسُّفَهَآءَ أَمۡوَٰلَكُمُ ٱلَّتِي جَعَلَ ٱللَّهُ لَكُمۡ قِيَٰمٗا وَٱرۡزُقُوهُمۡ فِيهَا وَٱكۡسُوهُمۡ وَقُولُواْ لَهُمۡ قَوۡلٗا
مَّعۡرُوفٗا ٥ وَٱبۡتَلُواْ ٱلۡيَتَٰمَىٰ حَتَّىٰٓ إِذَا بَلَغُواْ ٱلنِّكَاحَ فَإِنۡ ءَانَسۡتُم مِّنۡهُمۡ رُشۡدٗا فَٱدۡفَعُوٓاْ إِلَيۡهِمۡ أَمۡوَٰلَهُمۡۖ وَلَا
تَأۡكُلُوهَآ إِسۡرَافٗا وَبِدَارًا أَن يَكۡبَرُواْۚ وَمَن كَانَ غَنِيّٗا فَلۡيَسۡتَعۡفِفۡۖ وَمَن كَانَ فَقِيرٗا فَلۡيَأۡكُلۡ بِٱلۡمَعۡرُوفِۚ فَإِذَا
دَفَعۡتُمۡ إِلَيۡهِمۡ أَمۡوَٰلَهُمۡ فَأَشۡهِدُواْ عَلَيۡهِمۡۚ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ حَسِيبٗا ٦ (سورة النساء: 5-6)

(*a*) (i) پاتاکن **دوا** مقصود "السفهاء" سلاءين انق يتيم درڤد هوراين ايات دأتس. [2 مرکه]

(ii) ترڠکن باݢايمان علماء مڠيستنباط حکوم واجب مڠوروسکن هرتا انق يتيم؟ [4 مرکه]

(*b*) هورايکن **دوا** چارا ڤمکڠ امانه مڠوروسکن هرتا انق يتيم [4 مرکه]

(*c*)

> Encik Farouk seorang ahli perniagaan yang berjaya telah diamanahkan untuk menjaga harta 2 orang anak saudaranya yang telah kehilangan ayah dan ibu mereka dalam satu kemalangan ngeri 2 tahun lepas.Namun baru-baru ini,perniagaan Farouk mengalami kerugian yang teruk hingga diisyhtiharkan muflis menyebabkan Farouk terpaksa menggunakan harta anak-anak saudaranya itu tanpa rasa bersalah untuk menampung kerugian perniagaannya.

مرجوع ڤرياتاءن دأتس،اداکه واجرتيندقن فاروق دالم ميلسايکن مسئله اين، پاتاکن حجه دان السن اندا. [6 مرکه]

| |
|---|
| فَإِذَا دَفَعۡتُمۡ إِلَيۡهِمۡ أَمۡوَٰلَهُمۡ فَأَشۡهِدُواْ عَلَيۡهِمۡۚ |
| (سورة النساء: 6) |

[
[
[

(*d*) هورايكن **دوا** سبب إسلام منشرطكن سقسي سماس ڤپرهن هرتا انق يتيم.

[4 مركه]

4 سبدا رسول الله ﷺ :

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا شَكَّ أَحَدُكُمْ فِي صَلَاتِهِ فَلَمْ يَدْرِ كَمْ صَلَّى ثَلَاثًا أَمْ أَرْبَعًا فَلْيَطْرَحْ الشَّكَّ وَلْيَبْنِ عَلَى مَا اسْتَيْقَنَ ثُمَّ يَسْجُدُ سَجْدَتَيْنِ قَبْلَ أَنْ يُسَلِّمَ فَإِنْ كَانَ صَلَّى خَمْسًا شَفَعْنَ لَهُ صَلَاتَهُ وَإِنْ كَانَ صَلَّى إِتْمَامًا لِأَرْبَعٍ كَانَتَا تَرْغِيمًا لِلشَّيْطَانِ . ( رواه مسلم )

(a) (i) اڤاكه مقصود شك دالم صلاة؟ [2 مركه]

(ii) جلسكن چارا علماء مڠيستنباطكن حكوم شك دالم صلاة . [4 مركه]

(b) ترڠكن **دوا** ڤربيذائن دانتارا سجود سهوي دڠن سجود تلاوة [4 مركه]

فرمان الله:

وَأَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَ ۖ إِنَّ ٱلصَّلَوٰةَ تَنْهَىٰ عَنِ ٱلْفَحْشَآءِ وَٱلْمُنكَرِ ۗ

سورة العنكبوت:45

مقصودڽ: دان ديريكنله سمبهيڠ (دڠن تکون)، سسوڠڬوهڽ سمبهيڠ ايت منچڬه دري ڤربواتن يڠ كجي دان موڠكر.

(c) برداسركن ايات دأتس، ترڠكن **دوا** حجه اندا باڬي مپوكوڠ ڤرپاتاءن ترسبوت. [4 مركه]

(*d*) برداسركن معلومت دباوه،




| |
|---|
| Abu Hurairah R.A berkata,sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud "Jika seseorang daripada kamu semua solat,maka syaitan akan datang kepadanya untuk menggoda sampai kamu tidak tahu berapa rakaat yang kamu kerjakan.Maka hendaklah kamu sujud dua kali (sujud sahwi) ketika kamu masih duduk sebelum salam,setelah itu baru mengucapkan salam" (Riwayat Bukhari dan Muslim) |

بوات ساتو روموسن تنتڠ چارا اونتوق منمڤوڠ ككورڠن دالم صلاة

[6 مركه]

**5** (a) (i) حج مروڤاكن روكون إسلام يڠ كليم دان ممڤوڽاٴي ڤلباݢاي چارا دالم مڠرجاكنڽ.

اڤاكه يڠ دمقصودكن دڠن حج ؟ [2 مركه]

(ii) ترڠكن **دوا** حكمة دم دالم ڤلقساناٴن عبادة حج. [4 مركه]

> Enam pasangan berkhalwat dihukum rotan di Aceh
>
> 04 Mac 2019 6:07 PM
>
> BANDA ACEH 4 Mac – Seramai enam pasangan bukan mahram dihukum sebat di depan khalayak umum selepas didapati bersalah melakukan khalwat di sini hari ini. Kesemua pasangan tersebut dirotan selepas ditahan pada tahun lalu ketika satu serbuan dilakukan di sebuah hotel di sini. Kesemua pesalah disebat sebanyak 17 hingga 25 sebatan mengikut jenis kesalahan.
>
> *AFP*

(b) برداسركن سيتواسي دأتس، ترڠكن **دوا** جنيس حكومن تعزير يڠ داڤت دكناكن كڤد ڤاسڠن خلوة سلاٴين درڤد سبتن. [4 مركه]

(c) ترڠكن **دوا** عاقبة منجالنكن حكومن جناية يڠ تيدق برلندسكن كڤد شريعة إسلام. [4 مركه]

(d)

> كواس ڤمڤقون هاڽ ترداڤت دالم كسالهن ٢ جناية ترتنتو سهاج . دالم جناية حدود تياد ڤيهق يڠ ممڤوڽائي كواس ڤمڤقون. نامون بݢيتو كواس ڤمڤقون ترداڤت دالم كسالهن قصاص دان تعزير.

برداسركن معلومت دأتس، ڤرلوڽ كواس ڤمڤقون باݢي سبهاݢين درڤد كسالهن جناية سڤرتي كيس قصاص دان تعزير. بريكن حجه اندا. [6 مركه]

**6** (a) (i) ڤاتاکن دوا ڤرينسيڤ ڤراوندڠن إسلام [2 مرکه]

(ii) جلسکن دوا ڤرکارا بارو حاصيل اجتهاد يڠ برلاکو دزمان صحابة [4 مرکه]

BERITA

**25 bakal jemaah umrah rugi RM178,600 ditipu 'ustazah'**

Bernama | Diterbitkan 28 Jan 2018, 12:33 pagi | Dikemaskini 28 Jan 2018, 12:33 pagi

Seramai 25 bakal jemaah umrah kerugian kira-kira RM178,600 apabila mendakwa ditipu seorang wanita dipanggil ‘ustazah’ yang mengaku wakil sebuah syarikat pengendali pakej umrah di ibu negara.

Setiausaha Persatuan Pengguna Kedah (CAKE) Mohamad Yusrizal Yusoff berkata kebanyakan mangsa terdiri daripada pesara kerajaan, peniaga dan petani di sekitar Alor Setar dan Guar Chempedak dekat Yan itu merasa ditipu selepas beberapa kali jadual penerbangan ditunda serta belum menerima semula bayaran yang telah dibuat.

“Selepas CAKE mendapat laporan daripada mangsa, saya menghubungi wanita itu yang berjanji akan memulangkan semula bayaran yang dibuat mangsa sebelum ini, namun hingga hari ini pengadu mendakwa tidak menerima bayaran lagi dan datang membuat laporan polis,” katanya kepada pemberita di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Setar di Alor Setar, semalam.

(b) برداسرکن ڤرپاتاءن اخبار دأتس، ترڠکن تيڬ لڠکه يڠ واجر دأمبيل اونتوق مڠيلقکن درڤد ڤرکارا دأتس برلاکو کڤد ديري اتاو کلوارڬ اندا. [6 مرکه]

(c) سوامي ايستري ممڤوڽائي تڠڬوڠجواب ماسيڠ٢.
جلسکن دوا تڠڬوڠجواب سوامي ترهادڤ ايستري. [4 مرکه]

(d) إسلام مڠهاروسکن ڤوليڬامي دڠن حکمة يڠ ترتنتو. والاوباڬايمان ڤون إسلام ملتقکن شرط٢ ترتنتو دالم کهاروسنن.
جلسکن **دوا** شرط ترسبوت. [4 مرکه]

**KERTAS SOALAN TAMAT**